

STREAM E

HARI PERTAMA

NAMA KUMPULAN	:	FEUGO
ORGANISASI	:	JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA NEGERI PAHANG
TAJUK PROJEK	:	KESUKARAN IMOBILISASI MANGSA KEPATAHAN SEMASA OPERASI MENYELAMAT
PENJIMATAN PROJEK	:	RM50,694.00

A. LATAR BELAKANG PROJEK

MANGSA YANG MENGALAMI KEPATAHAN PADA BAHAGIAN KAKI, TANGAN BAHU, DAN JARI SUKAR DIMOBILISASI KERANA PERALATAN SEDIADA TERHAD PENGGUNAANYA, SUKAR DIPASANG DENGAN SEMPURNA KERANA SAIZ PERALATAN YANG TELAH DI TETAPKAN SPERTI S, M, L DAN MANGSA YANG BERBEZA –BEZA. OLEH SEBAB ITU MANGSA KEPATAHAN LAMBAT DI IMOBILISASI YANG BOLEH MENYEBABKAN KOMPLIKASI KEPADA MANGSA DAN JUGA BOLEH MENYEBABKAN KEHILANGAN NYAWA.

B. PUNCA UTAMA MASALAH

- I. TIADA ALAT SPLINT UNTUK KEPATAHAN JARI
- II. SPLINT YANG ADA BERLAINAN SAIZ MENYEBABKAN PERLU DIUKUR PADA MANGSA UNTUK SAIZ YANG SESUAI
- III. SAIZ MANGSA YANG BERBEZA MENYEBABKAN SPLINT SUKAR DIKAT MENGIKUT KESESUAIAN MANGSA
- IV. BAHAGIAN SPLINT KERAS DAN SUKAR DILIPAT MENYEBABKAN SUKAR DIKETATKAN IKUT SAIZ MANGSA
- V. SUKAR DIGUNAKAN UNTUK KANAK-KANAK

C. CADANGAN PENYELESAIAN INOVATIF & KREATIF

- i. MEREKACIPTA SPLINT YANG BOLEH DILARAS MENGIKUT SAIZ MANGSA DAN BOLEH DIGUNA UNTUK PELBAGAI KEPATAHAN YANG DIBERI NAMA ADJUSTABLE SPLINT.
- II. ALAT IMOBILISASI KEPATAHAN YANG PERTAMA SEUMPAMANYA DI DUNIA.

D. TANDA ARAS

BENCHMARK BAGI PENGENDALIAN MASA IMOBILISASI KEPATAHAN DENGAN AGENSI LUAR:-

- I. JABATAN KECEMASAN DAN TRAUMA HTAA KUANTAN
- II. JABATAN KECEMASAN DAN TRAUMA HKL KUALA LUMPUR
- III. JABATAN KECEMASAN DAN TRAUMA HOSPITAL KLANG
- IV. JABATAN KECEMASAN DAN TRAUMA HOSPITAL KUALA TERENGGANU

E. PENCAPAIAN PROJEK & PENCIPTAAN NILAI

- i. PENGURANGAN ADUAN SEBANYAK 100%
- ii. PENJIMATAN MASA 8 MINIT UNTUK SEKALI OPERASI
- iii. PENJIMATAN KOS SEBANYAK RM 50,694.00 SETAHUN
- iv. PENGURANGAN TENAGA KERJA DARI 4 ANGGOTA KE 2 ANGGOTA
- v. PENCAPAIAN OBJEKTIF KEPADA ORGANISASI BERASASKAN BLUE OCEAN STRATEGY
- VI. PENGURANGAN LANGKAH KERJA
- VII. PENINGKATAN KEPUASAN PELANGGAN DALAMAN DAN LUARAN
- VIII. PENINGKATAN HASIL KERJA

F. ANUGERAH, PENGHARGAAN & PENGIKTIRAFAN

- I. ANUGERAH EMAS DI KONVENSYEN TEAM EXCELLENCE WILAYAH UTARA 2016
- II. TELAH DIPATENKAN DI PERBADANAN HARTA INTELEK MALAYSIA (MYIPO)
- III. PENGHARGAAN DAN PENGIKTIRAFAN DARIPADA SIRIM PAHANG BERHAD
- IV. PENGHARGAAN DAN PENGIKTIRAFAN DARIPADA HOSPITAL TENGGU AMPUAN AFZAN KUANTAN
- V. PENGHARGAAN DAN PENGIKTIRAFAN DARIPADA KPJ PAHANG SPECIALIST HOSPITAL

NAMA KUMPULAN ORGANISASI	:	KUMPULAN SHAH BALAI BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA NEGERI PAHANG. BALAI BOMBA DAN PENYELAMAT MUADZAM SHAH,PAHANG DARUL MAKMUR
TAJUK PROJEK	:	KESUKARAN MENGESAN KEBAKARAN DIPERINGKAT AWAL DI PREMIS KEDIAMAN
PENJIMATAN PROJEK	:	HARTA MUSNAH HANYA BAWAH 10% DARI RM6 JUTA BERNILAI RM 600.00 RM / MASA SETAHUN : RM5.4 JUTA

A. LATAR BELAKANG PROJEK

MENGIKUT LAPORAN PERANGKAAAN KEMENTERIAN PERUMAHAN KESEJAHTERAAN BANDAR DAN KERAJAAN TEMPATAN PADA TAHUN 2013 SEHINGGA 2015 KEMATIAN YANG MELIBATKAN DIRUMAH SEBANYAK 378 ORANG KEMATIAN.**4 FAKTOR** YANG TELAH DIKENALPASTI IAITU **FAKTOR PERTAMA** MANGSA SEDANG TIDUR,**FAKTOR KEDUA** BAHAN,HABA DAN OKSIGEN,**FAKTOR KETIGA** BERPUNCA DARIPADA ASAP, DAN **FAKTOR KEEMPAT** TIADA SISTEM PENGERA AMARAN WALA JIKA BERLAKU KEBAKARAN DI PREMIS

B. PUNCA UTAMA MASALAH

KELEWATAN MNGESAN KEBAKARAN DIPERINGKAT AWAL DI RUMAH KEDIAMAN DIMANA TINDAKAN PASUKAN PEMADAM,SUKAR UNTUK MEMBUAT KERJA-KERJA MENYELAMAT ATAU MENGELUARKAN MANGSA KERANA KEBAKARAN BERLAKU MELEBIHI 50% DA PENGHUNI RUMAH SUKAR UNTUK MENGESAN ATAU MENGETAHUI BERLAKUNYA KEBAKARAN.

C. CADANGAN PENYELESAIAN INOVATIF & KREATIF

KUMPULAN TELAH MEREKACIPTA ALATAN SMOKE DETECTOR YANG BOLEH MENGESAN DAN MEMBERI AMARAN KEBAKARAN DIPERINGKAT AWAL YANG BERFUNGSI MEMBERI MESEJ MELALUI TELEFON KEPADA PENGGUNA ,BALAI BOMBA BERHAMPIRAN DAN PENYELIA PASUKAN PEMADAM JIKA BERLAKU KEBAKARAN DI PREMIS KEDIAMAN.

D. TANDA ARAS

PERALATAN MUDAH DIKENDALIKAN OLEH SEMUA LAPISAN USIA KERANA PERATUSAN PENGGUNAAN TELEFON DI MALAYSIA AMAT TINGGI DAN KEPERLUAN ASAS MASYARAKAT.KOS PEMBUATAN YANG MURAH DAN PERALATAN GANTIAN MUDAH DIDAPATI,BOLEH DIGUNAKAN OLEH SEMUA LAPISAN GOLONGAN IAITU MENGESAN API,MEMBERI MAKLUMAT PENGGUNA DAN AMAT BERKESAN DIGUNAKAN PELBAGAI PREMIS SEPERTI KEDIAMAN,RUMAH ,SHOPING COMPLEX

E. PENCAPAIAN PROJEK & PENCIPTAAN NILAI

1.PENJIMATAN KOS

KOS KEMUSNAHAN SEBELUM PROJEK	RM 117,124.00
KOS KEMUSNAHAN SELEPAS PROJEK	RM 4,684.00
PENJIMATAN KOS	<u>RM 112,440.00</u>

2.PENJIMATAN MASA TERIMA PANGGILAN KECEMASAN

MASA TERIMA PANGGILAN SEBELUM PROJEK	26 MINIT
MASA TERIMA PANGGILAN SELEPAS PROJEK	0 MINIT 11 SAAT
PENJIMATAN MASA	<u>25 MINIT 49 SAAT</u>

3.PENJIMATAN MASA KELUAR DARI RUMAH SEMASA BERLAKU KECEMASAN

MASA KELUAR RUMAH SEBELUM PROJEK	26 MINIT 00 SAAT
MASA KELAUR RUMAH SELEPAS PROJEK	2 MINIT 11 SAAT
PENJIMATAN MASA	<u>23 MINIT 55 SAAT</u>

F. ANUGERAH, PENGHARGAAN & PENGIKTIRAFAN

- 1.KETIGA KUMPULAN INOVATIF DAN KREATIF JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA 2016
- 2.JOHAN KUMPULAN INOVATIF DAN KREATIF JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT NEGERI PAHANG 2016
- 3.EMAS MPC WILAYAH TIMUR TEAM EXCELLENCE
- 4.SURAT SOKONGAN DARIPADA SIRIM PAHANG
- 5.SURAT SOKONGAN DARIPADA ZUL DESIGN
6. .SURAT SOKONGAN DARIPADA POLITEKNIK MUADZAM SHAH

NAMA KUMPULAN	:	KUMPULAN TAHAMMAS
ORGANISASI	:	JABATAN BENDAHARI, UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
TAJUK PROJEK	:	PENGURUSAN MAKLUMAT PEROLEHAN YANG TIDAK EFISIEN
PENJIMATAN PROJEK	:	RM 414,200.00

A. LATAR BELAKANG PROJEK

KUMPULAN TAHAMMAS DARI JABATAN BENDAHARI UNIVERSITI MALAYSIA SABAH (UMS) DITUBUHKAN PADA 2 DISEMBER 2013. AHLI TAHAMMAS TERDIRI DARIPADA PELBAGAI DISIPLIN TUGAS DAN GRED JAWATAN. MELALUI SESI PENYENARAIAAN IDEA, KUMPULAN TAHAMMAS MENYENARAIAKAN BEBERAPA MASALAH (TAJUK PROJEK) YANG TERKANDUNG DALAM 4 TEMA UTAMA. TAHAMMAS MEMILIH TEMA PENJIMATAN MASA BERDASARKAN KEPUTUSAN MATRIK PEMILIHAN TEMA YANG DIBUAT OLEH AHLI-AHLI TAHAMMAS DAN MENYARING 4 TAJUK SECARA ANALISIS MATRIK BERDASARKAN KEUPAYAAN DAN KRITIKAL DI MANA AKHIRNYA TAJUK PENGURUSAN MAKLUMAT PEROLEHAN YANG TIDAK SISTEMATIK TELAH DIPILIH. KAMI MEMBUAT ANALISIS SEBAB AKIBAT ISHIKAWA YANG AKHIRNYA MEMILIH IDEA PENYELESAIAN YANG PRAKTIKAL DENGAN MEMBANGUNKAN SISTEM YANG DIKENALI I-PEROLEHAN. KAMI MENETAPKAN SASARAN MENGURANGKAN BILANGAN ADUAN KAKITANGAN DAN TEMPOH MASA PROSES SERTA TEMPOH MASA PEMAKLUMAN LANTIKAN JAWATAKUASA PENILAIAN HARGA SEHINGGA 80% DAN UJI RINTIS DIJALANKAN KE ATAS SISTEM INI. SISTEM INI DIKENALI I-PEROLEHAN. SISTEM INI DAPAT MENINGKATKAN PELAKSANAAN KERJA BERTERASKAN ICT KEPADA SEMUA KAKITANGAN, PENJIMATAN KERTAS, PENJIMATAN KOS PEMBANGUNAN SISTEM SEUMPAMA INI ADALAH SEBANYAK RM 414,200.00 SERTA PENJIMATAN RUANG. KESEMUA PUSAT TANGGUNGJAWAB TELAH MENGGUNAKAN I-PEROLEHAN BAGI PENGURUSAN MAKLUMAT PEROLEHAN. I-PEROLEHAN MEMBERI IMPAK POSITIF KEPADA INDUSTRI PENDIDIKAN NEGARA DENGAN MEMBANTU MENYEDIAKAN PRASARANA PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN YANG CEKAP DAN BERKESAN, PERSEKITARAN KERJA YANG KONDUSIF, TENAGA KERJA MAHIR DALAM PELBAGAI BIDANG DAN BERKEBOLEHAN MEMIMPIN BAGI MEMENUHI KEPERLUAN MASYARAKAT DAN NEGARA SERTA MENINGKATKAN IMEJ UMS DAN KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA.

B. PUNCA UTAMA MASALAH

PUNCA UTAMA MASALAH:

1. KETIADAAN PEGAWAI UNTUK MEMPERAKU DAN MELULUS PERMOHONAN
2. MAKLUMAT PEMBEKAL TIDAK BERDAFTAR
3. TIADA PEMANTAUAN BAJET PERUNTUKAN
TIADA PERISIAN OPERASI

C. CADANGAN PENYELESAIAN INOVATIF & KREATIF

MEMBANGUNKAN APLIKASI SISTEM PENGURUSAN MAKLUMAT PEROLEHAN BERKOMPUTER YANG DINAMAKAN I-PEROLEHAN

D. TANDA ARAS

E. PENCAPAIAN PROJEK & PENCIPTAAN NILAI

TEMPOH MASA YANG DIGUNAKAN UNTUK PROSES PERMOHONAN PEROLEHAN DAPAT DIKURANGKAN DARIPADA 14 HARI KEPADA 3 HARI.

TIADA SEBARANG ADUAN

TEMPOH MASA YANG DIGUNAKAN UNTUK PEMAKLUMAN LANTIKAN JAWATANKUASA PENILAIAN HARGA DAPAT DISINGKATKAN DARIPADA 14 HARI KEPADA 1 HARI

F. ANUGERAH, PENGHARGAAN & PENGIKTIRAFAN

1. NAIB JOHAN PERTANDINGAN KIK PERINGKAT UMS 2016
2. PERSEMBAHAN TERBAIK PERTANDINGAN KIK PERINGKAT UMS 2016
3. ANUGERAH EMAS MINI KONVENSYEN MPC WILAYAH SABAH 2017
4. ANUGERAH EMAS KONVENSYEN MPC WILAYAH SABAH & SARAWAK 2017
5. NAIB JOHAN KIK KATEGORI PENGURUSAN PERINGKAT UNIVERSITI AWAM 2017
6. ANUGERAH EMAS KIK KATEGORI PENGURUSAN PERINGKAT UNIVERSITI AWAM 2017
7. PERSEMBAHAN TERBAIK KIK KATEGORI PENGURUSAN PERINGKAT UNIVERSITI AWAM 2017
8. PENGIKTIRAFAN SEBAGAI UNIVERSITI TERBAIK DALAM MENGHASILKAN INOVASI SECARA ATAS TALIAN

HARI KEDUA

NAMA KUMPULAN	:	BEYOND INNOVATION
ORGANISASI	:	INSTITUT PENYELIDIKAN KEMAJUAN & PERTANIAN MALAYSIA (MARDI)
TAJUK PROJEK	:	PROSES MARKOT MENGAMBIL MASA YANG PANJANG
PENJIMATAN PROJEK	:	RM RM 1.00/ANAK BENIH (ANGGARAN PENJIMATAN KOS PENGELUARAN BAGI SETIAP ANAK BENIH MARKOT)

A. LATAR BELAKANG PROJEK

KAEDAH PEMBIAKAN TAMPANG SECARA KONVENSIIONAL (MARKOT) YANG MENGGUNAKAN PISAU DAN PLASTIK ADALAH REMEH DAN RENCAM. IANYA MEMERLUKAN KEMAHIRAN DAN KHIDMAT ORANG YANG TERLATIH. INI ADALAH KERANA PISAU MARKOT YANG TAJAM BOLEH MENGUNDAK KECEDEeraan SEKIRANYA TIDAK DIGUNAKAN DENGAN BERHATI-HATI. KAEDAH MARKOT YANG SEDIADA TIDAK MESRA PENGGUNA. ATAS KESEDARAN ITU, KAMI KUMPULAN BEYOND INNOVATION TELAH MEMBANGUNKAN SATU PRODUK MUDAH, CEPAT DAN PRAKTIKAL YANG DIBERI NAMA 'CLIP & CLAMP'.

B. PUNCA UTAMA MASALAH

TEKNIK PEMBIAKAN TAMPANG SECARA MARKOT YANG SEDIADA MEMERLUKAN PERALATAN YANG BANYAK SEPERTI PISAU MARKOT, MEDIA, PLASTIK DAN TALI. KAEDAH INI ADALAH RUMIT UNTUK DILAKUKAN KERANA FAKTOR KEJAYAAN SANGAT BERGANTUNG KEPADA KEMAHIRAN, PENGALAMAN DAN TEKNIK YANG BETUL. INI ADALAH KERANA TOREHAN PADA KULIT BATANG POKOK PERLU DIBUAT SECARA BERHATI-HATI AGAR TIDAK TERKENA PADA BAHAGIAN XILEM. KEMUDIAN CAMPURAN MEDIA DILETAKAN BAHAGIAN TOREHAN DAN DIBALUT DENGAN PLASTIK SETERUSNYA DIKAT PADA HujungNYA

C. CADANGAN PENYELESAIAN INOVATIF & KREATIF

SATU PRODUK MUDAH, CEPAT DAN PRAKTIKAL YANG DIBERI NAMA 'CLIP & CLAMP' DIBANGUNKAN. 'CLIP & CLAMP' TIDAK MELIBATKAN PENGGUNAKAN PISAU MARKOT TETAPI HANYA MENGGUNAKAN KABEL PENGIKAT DAN PLASIK PEMBALUT MARKOT DIGANTIKAN DENGAN BEKAS YANG DIPERBUAT DARIPADA PAIP POLYVINYL CHLORIDE (PVC). RINGKAS, MESRA PENGGUNA MALAH TINGGI PERATUS KEJAYAAN.

D. TANDA ARAS

SEBELUM PROJEK INI DIJALANKAN, KAEDAH MARKOT SECARA KONVENSIIONAL DIRUJUK DARI KERATAN AKHBAR AGRO MEGA MUKA SURAT 9; TIPS PERTANIAN BERSAMA UPM. MANAKALA ALAT INO-TUT & INO-CLAMP HASIL INOVASI JABATAN PERTANIAN NEGERI MELAKA DIJADIKAN TANDAARAS SASARAN. MASA (TEMPOH/MARKOT DAN BIL MARKOT/JAM), KOS PENGELUARAN (KOS ALAT, UPAH KERJA) DAN PERATUS KEJAYAAN DITENTUKAN.

E. PENCAPAIAN PROJEK & PENCIPTAAN NILAI

Faktor		Konvensional	Kaedah 'Clip & Clamp'	Perbandingan (penjimatan)
Masa	Tempoh/markot	8 minit	1.5 minit	6.5 minit
	Bil. markot/jam	6 markot/jam	35 markot/jam	29 markot/jam
Kos pengeluaran	Kos alat	RM2.60	RM1.60	RM1.00
	Kos upah untuk mengeluarkan 42 markot/hari	RM40	RM29.20	RM10.80
Peratus kejayaan	Bil. anak benih yang hidup	70%	95%	25%

NAMA KUMPULAN	:	BEYOND INNOVATION
ORGANISASI	:	INSTITUT PENYELIDIKAN KEMAJUAN & PERTANIAN MALAYSIA (MARDI)
TAJUK PROJEK	:	PROSES MARKOT MENGAMBIL MASA YANG PANJANG
PENJIMATAN PROJEK	:	RM RM 1.00/ANAK BENIH (ANGGARAN PENJIMATAN KOS PENGELUARAN BAGI SETIAP ANAK BENIH MARKOT)

E. PENCAPAIAN PROJEK & PENCIPTAAN NILAI (SAMBUNGAN)

BERDASARKAN FAKTOR PERBANDINGAN DI ATAS, JELAS MENUNJUKKAN:

- KADAR PENJIMATAN DARI SEGI MASA, KOS SERTA DAPAT MENINGKATKAN PENGELUARAN BAHAN TANAMAN YANG BERKUALITI (TULEN).
- PENDAPATAN PETANI DAPAT DIGANDAKAN.
- MENGURANGKAN KOS IMPORT BUAH-BUAHAN.
- KAEDAHNYA YANG MUDAH, MURAH DAN PRAKTIKAL TELAH MENARIK MINAT GENERASI MUDA UNTUK MENCEBURI BIDANG PERTANIAN.
- TAMBAH NILAI KAEDAH PEMBIAKAN MARKOT YANG SEDIAADA.
- SELARI DENGAN HASRAT KEMENTERIAN PERTANIAN IAITU 'PERTANIAN SATU PERNIAGAAN'
- MELATIH AHLI KUMPULAN UNTUK BERFIKIRAN LEBIH KREATIF DAN INOVATIF SELARI DENGAN KEPERLUAN PERTANIAN MASA KINI.

F. ANUGERAH, PENGHARGAAN & PENGIKTIRAFAN

- TOP 3, MAJLIS KONVENSYEN KUMPULAN INOVATIF DAN KREATIF KE -6, PERINGKAT MARDI, TAHUN 2016. 10 HB OKTOBER 2016.
- PINGAT EMAS, KONVENSYEN TEAM EXCELLENCE (ICC), PERINGKAT WILAYAH PANTAI TIMUR, PERMAI HOTEL, KUALA TERENGGANU, TERENGGANU. TAHUN 2017. 25-26 HB JULAI 2017.
- PINGAT PERAK. PAMERAN SAINS DAN TEKNOLOGI MARDI (MSTE) 2017. MAEPS SERDANG SELANGOR. 18-19 HB SEPT 2017.

NAMA KUMPULAN	:	KEJORA
ORGANISASI	:	HOSPITAL TAMPIN
TAJUK PROJEK	:	PEMBAZIRAN PENGGUNAAN POP DALAM PEMASANGAN POP BAGI KECEDERAAN/PATAH DIBAHAGIAN KAKI PESAKIT DI JABATAN KECEMASAN HOSPITAL TAMPIN MENGGUNAKAN KEJORA OTOPEDIK PLASTER (KOP)
PENJIMATAN PROJEK	:	RM 3,366,090.00 RM / MASA SETAHUN : RM 3,366,090.00 RM/ TIMESAVING PERYEAR

LATAR BELAKANG PROJEK

HOSPITAL TAMPIN MENERIMA KEMASUKAN PESAKIT YANG TERDIRI DARI BERBAGAI – BAGAI PERINGKAT UMUR DAN BANGSA. KALANGAN PESAKIT YANG DITERIMA ADA DIANTARANYA TERDIRI DARI KECEDERAAN DISEBABKAN KEMALANGAN, JATUH BANGUNAN DAN SEBAGAINYA. MEREKA BIASANYA AKAN MENGALAMI KEPATAHAN TULANG KAKI, TANGAN DAN DIBAHAGIAN ANGGOTA YANG LAIN. OLEH ITU POP SERING DIGUNAKAN UNTUK MEMBALUT KEPATAHAN. BAGI SEORANG PESAKIT POP YANG DIGUNAKAN ADALAH SEBANYAK 8 GULUNG BAGI MEMBALUT KECEDERAAN/PATAH. PADA 1 MEI 2015 – 31 MEI 2015 SERAMAI 92 ORANG PESAKIT TELAH MENGGUNAKAN POP. INI BERMAKNA 92 ORANG X 8 GULUNG = 736 GULUNG TELAH DIGUNAKAN SEPANJANG BULAN MEI 2015. HARGA SEGULUNG POP ADALAH RM 2.95. INI BERMAKNA SEBANYAK RM 2,171.20 TELAH DIBELANJAKAN UNTUK MEMBUAT POP PADA BULAN MEI 2015. JIKA PENGGUNAAN POP INI TIDAK DIKAWAL INI AKAN MENYEBABKAN KOS RAWATAN AKAN MENINGKAT DAN IMEJ HOSPITAL AKAN TERJEJAS.

B. PUNCA UTAMA MASALAH

1. SIMEN POP MUDAH TERTANGGAL
2. MEMERLUKAN PERALATAN YANG BANYAK
3. PESAKIT RAMAI
4. BANYAK PROSEDUR YANG PERLU DI BUAT
5. MENGGUNAKAN POP BANYAK

C. CADANGAN PENYELESAIAN INOVATIF & KREATIF

CIPTA BAHAN YANG BOLEH MENGGANTIKAN POP DENGAN GUNA BARANG TERPAKAI. KUMPULAN TELAH MEMBUAT BEBERAPA SESI PERCAMBAHAN FIKIRAN UNTUK MERUMUSKAN ALTERNATIF PENYELESAIAN. HASILNYA **SATU BAHAN YANG BOLEH MENGGANTIKAN POP** TELAH BERJAYA DICIPTA DARI ILHAM KUMPULAN YANG MEMBUAT HUBUNGKAIT ANTARA KERTAS SURAT KHABAR DAN SIMEN. PIHAK PENGURUSAN TELAH MENERIMA CA DANGAN INI UNTUK TINDAKAN SELANJUTNYA.

D. TANDA ARAS

BEBERAPA BUAH HOSPITAL DAN KLINIK KESIHATAN DI MALAYSIA

E. PENCAPAIAN PROJEK & PENCIPTAAN NILAI

- PENGURANGAN KOS OPERASI
- PENJIMATAN OUTPUT/HASIL KERJA
- PENAMBAHBAIKAN PADA PROSES KERJA
- PENINGKATAN HASIL KERJA
- LEBIH MUDAH DIKENDALIKAN
- PENINGKATAN IMEJ JABATAN
- MOTIVASI AHLI BERTAMBAH
- PENINGKATAN IDEA BARU, INOVATIF DAN KREATIF
- PENINGKATAN DALAM TAHAP KEPUASAN HATI PELANGGAN DAN ANGGOTA
- FAEDAH-FAEDAH SOCIAL
- SUMBANGAN KEPADA OBJEKTIF ORGANISASI

F. ANUGERAH, PENGHARGAAN & PENGIKTIRAFAN

- JOHAN KIK JKN NS
- EMAS MPC ZON SELATAN

NAMA KUMPULAN	:	E-TECHNO
ORGANISASI	:	INSTITUT PENYELIDIKAN DAN KEMAJUAN PERTANIAN MALAYSIA
TAJUK PROJEK	:	PROSES MENGANALISIS DATA KAJIAN YANG MENGAMBIL MASA YANG LAMA
PENJIMATAN PROJEK	:	RM0.477 JUTA/TAHUN

A. LATAR BELAKANG PROJEK

PENGUMPULAN DATA MELALUI BORANG SOAL SELIDIK MERUPAKAN SALAH SATU METODOLOGI YANG SERING DIGUNAKAN DALAM KAJIAN SOSIOEKONOMI. SECARA AMNYA, PENGGUNAAN BORANG KAJI SELIDIK TELAH LAMA DIPRAKTIKKAN DALAM DUNIA PENYELIDIKAN. NAMUN, KAEDAH PENGUMPULAN DATA INI MEMPUYAI KEKURANGAN YANG PERLU DITAMBAH BAIK. SEBAGAI CONTOH, KEMASUKAN DAN PEMBERSIHAN DATA MENTAH DARI BORANG SOAL SELIDIK SECARA MANUAL KE DALAM PERISIAN DATA PUSAT MENGAMBIL MASA YANG LAMA. HAL INI MENYEBABKAN DATA AKAN LEWAT DIANALISIS DAN SEKALIGUS MEMPENGARUHI TEMPOH MASA KAJIAN YANG DIRANCANG.

SEHUBUNGAN ITU, KUMPULAN E-TECHNO MENGAMBIL INIATIF UNTUK MEMBANGUNKAN SISTEM SOAL SELIDIK SECARA *OFFLINE* MENGGUNAKAN APLIKASI MUDAH ALIH YANG DIKENALI SEBAGAI MARSES. KUMPULAN E-TECHNO MEMBAWA INOVASI INI UNTUK MEMPERBAHARUI KAEDAH PENGUMPULAN DATA SECARA APLIKASI MUDAH ALIH YANG DAPAT MENJIMATKAN MASA KEMASUKAN DAN PEMBERSIHAN DATA DISAMPING DAPAT MENGELAKKAN RISIKO KEHILANGAN DATA MENTAH.

B. PUNCA UTAMA MASALAH

MASALAH YANG DIHADAPI MELALUI KAEDAH PENGUMPULAN DATA KONVENSIONAL DENGAN MENGGUNAKAN BORANG SOAL SELIDIK ADALAH SEPERTI BERIKUT :

1. PROSES MENGANALISIS HASIL KAJIAN SOSIOEKONOMI MENGAMBIL MASA YANG PANJANG
2. PENCARIAN DATA KAJI SELIDIK MENGAMBIL MASA PANJANG
3. PROSES MEREKABENTUK BORANG KAJI SELIDIK MENGAMBIL MASA YANG LAMA
4. KELEWATAN MENYEDIAKAN LAPORAN KAJIAN
5. MAKLUMBALAS KAJIAN KEPADA PELANGGAN LAMBAT

C. CADANGAN PENYELESAIAN INOVATIF & KREATIF

UNTUK MENGATASI MASALAH TERSEBUT, KUMPULAN E-TECHNO MEMPERKENALKAN BORANG SOAL SELIDIK SECARA *OFFLINE* APLIKASI MUDAH ALIH YANG DIBERI NAMA MARSES. PEMBANGUNAN SISTEM SOAL SELIDIK SECARA *OFFLINE* INI MAMPU MEMPERCEPATKAN PROSES KEMASUKAN DATA DI MANA DATA SECARA AUTOMATIK AKAN DIPINDAHKAN KE DALAM PUSAT DATA SEBELUM DIANALISIS. MARSES BOLEH DIGUNAKAN PADA BILA-BILA MASA, DI MANA JUA TANPA MEMERLUKAN JARINGAN INTERNET. KAEDAH INI JUGA MAMPU MENGURANGKAN KOS SURVEI SERTA MENJUMATKAN MASA BAGI PROSES KEMASUKAN DATA. JUSTERU ITU, KAEDAH INI DILIHAT DAPAT MEMBANTU PUSAT PENYELIDIKAN EKONOMI MELAKSANAKAN KAJIAN DENGAN LEBIH BERKESAN DAN CEPAT.

D. TANDA ARAS

TIADA

E. PENCAPAIAN PROJEK & PENCIPTAAN NILAI

TIADA

F. ANUGERAH, PENGHARGAAN & PENGIKTIRAFAN

UNTUK MENGATASI MASALAH TERSEBUT, KUMPULAN E-TECHNO MEMPERKENALKAN BORANG SOAL SELIDIK SECARA *OFFLINE* APLIKASI MUDAH ALIH YANG DIBERI NAMA MARSES. PEMBANGUNAN SISTEM SOAL SELIDIK SECARA *OFFLINE* INI MAMPU MEMPERCEPATKAN PROSES KEMASUKAN DATA DI MANA DATA SECARA AUTOMATIK AKAN DIPINDAHKAN KE DALAM PUSAT DATA SEBELUM DIANALISIS. MARSES BOLEH DIGUNAKAN PADA BILA-BILA MASA, DI MANA JUA TANPA MEMERLUKAN JARINGAN INTERNET. KAEDAH INI JUGA MAMPU MENGURANGKAN KOS SURVEI SERTA MENJUMATKAN MASA BAGI PROSES KEMASUKAN DATA. JUSTERU ITU, KAEDAH INI DILIHAT DAPAT MEMBANTU PUSAT PENYELIDIKAN EKONOMI MELAKSANAKAN KAJIAN DENGAN LEBIH BERKESAN DAN CEPAT.

NAMA KUMPULAN	:	GATEWAY
ORGANISASI	:	POLITEKNIK SEBERANG PERAI
TAJUK PROJEK	:	ELECTRICAL TRAINER KIT
PENJIMATAN PROJEK	:	RM7315.64
		RM / MASA SETAHUN : RM RM1,422,000.00

A. LATAR BELAKANG PROJEK

GATEWAY TELAH MENGENALPASTI MASALAH IAITU PENGENDALIAN AMALI BAGI KURSUS DEE2023 SEMICONDUCTOR DEVICES TIDAK EFISIEN, SEBAGAI MASALAH UTAMA YANG PERLU DISELESAIKAN. INI BERLAKU KERANA, KEPERLUAN PENILAIAN BAGI KURSUS INI MELIBATKAN LATIHAN/KERJA AMALI DI MAKMAL YANG MELIPUTI 6 TOPIK. OLEH YANG DEMIKIAN, PELAJAR PERLU MEMASANG LITAR SENDIRI BERULANG KALI DENGAN Mencari Peralatan dan komponen yang perlu digunakan yang disimpan secara berasingan, mudah hilang dan mudah rosak. Selain masa menjadi faktor utama, aspek keselamatan pelajar di makmal turut diberi perhatian dan ia juga melibatkan kos. Oleh yang demikian, masalah ini dipilih kali ini, bagi memastikan proses pengajaran & pembelajaran dapat dilaksanakan dengan berkesan serta efisien diantara pelajar dan pensyarah

B. PUNCA UTAMA MASALAH

1. MASA Pencarian komponen lama yang menyebabkan tempoh pelaksanaan amali lama
2. Wujud kesilapan pemasangan pada litar yang akan membahayakan pelajar terutama yang melibatkan transformer
3. Pemasangan litar perlu dilakukan berulang kali
4. Memerlukan tempat penyimpanan dan peralatan amali yang banyak/luas
5. Memerlukan kos penyelenggaraan yang tinggi bagi peralatan amali dan pembelian bagi komponen yang hilang

C. CADANGAN PENYELESAIAN INOVATIF & KREATIF

GATEWAY TELAH MEMBANGUNKAN SEBUAH PROJEK YANG DIBERI NAMA SDT KIT IAITU SEMICONDUCTOR DEVICES TRAINER KIT. PROJEK INI DIHASILKAN BAGI MENYEDIKAN SATU SET LATIHAN PENILAIAN KERJA AMALI YANG MELIPUTI 6 PENILAIAN DALAM SATU TRAINER. SELAIN MENYEDIKAN SET PENILAIAN, KIT INI JUGA DILENGKAPKAN DENGAN KOMPONEN DAN PERALATAN YANG DIPERLUKAN SEMASA MELAKUKAN KERJA AMALI BESERTA MANUAL DAN BUKU KERJA AMALI BAGI KURSUS INI SEBAGAI RUJUKAN

D. TANDA ARAS

1. KIT ELECTRONIK
2. KOTAK PENYIMPANAN BERLACI

E. PENCAPAIAN PROJEK & PENCIPTAAN NILAI

1. PERMOHONAN PATEN DARIPADA MYIPO
2. KIT DIGUNAPAKAI UNTUK AKTIVITI CSR DISEKOLAH-SEKOLAH ANGKAT POLITEKNIK SEBERANG PERAI
3. KIT DIGUNAKAN BAGI PENILAIAN AMALI KURSUS SEMICONDUCTOR DI PSP DAN PTSB

F. ANUGERAH, PENGHARGAAN & PENGIKTIRAFAN

1. TEMPAT KEDUA KONVENSYEN TEAM EXCELLENCE POLITEKNIK SEBERANG PERAI 2017
2. ANUGERAH EMAS KONVENSYEN TEAM EXCELLENCE WILAYAH UTARA MPC 2017
3. ANUGERAH EMAS KONVENSYEN KIK HORIZON BARU PERINGKAT KEBANGSAAN POLITEKNIK MALAYSIA 2017

NAMA KUMPULAN	:	MUTIARA
ORGANISASI	:	HOSPITAL TAMPIN
TAJUK PROJEK	:	PENGURUSAN PERGERAKKAN AMBULAN YANG TIDAK SERAGAM DI HOSPITAL TAMPIN
PENJIMATAN PROJEK	:	RM32,621 RM / MASA SETAHUN : RM 391,452

A. LATAR BELAKANG PROJEK

HOSPITAL MENGALAMI MASALAH PERGERAKAN AMBULAN YANG TIDAK SETARA/SERAGAM PADA 2015,INI MENINGKATKAN KOS BAIK PULIH AMBULAN YANG ROSAK.KUMPULAN TELAH MELAKSANAKAN PROJEK YANG DIPERSETUJUI OLEH PIHAK PENTADBIRAN IAITU KAD PERGERAKAN AMBULAN DAN MUTIARA SMART KAD.IMPAK YANG TINGGI DIPEROLEHI SETELAH PROJEK INI DIJALANKAN TERUTAMANYA PADA KEKERAPAN KEROSAKKAN AKIBAT MILEGUE YANG TINGGI DAN PENGURANGAN KOS BAIK PULIH AMBULAN.PADA 2015 KOS BAIKPULIH MENCECAH RM 52,791 SETAHUN DAN SELEPAS PROJEK PADA 2016,KOS ADALAH RM 20,170,IAITU JIMAT RM 32,621 SETAHUN.

B. PUNCA UTAMA MASALAH

PERGERAKAN YANG TIDAK SERAGAM DAN TINGGI SECARA TIDAK SETARA PADA SETIAP AMBULAN MENYEBABKAN ADA AMBULAN YANG MENGALAMI KEROSAKAN YANG MAJOR AKIBAT SELALU DIGUNAKAN TANPA MEMPUYAI SATU KAEDAH YANG SISTEMATIK.SEBAGAI CONTOH PADA 2015 SEBELUM PROJEK,ADA SESEBUAH AMBULAN TELAH DIGUNAKAN SEHINGGA 646 KEKERAPAN BERGERAKAN BERBANDING DENGAN SEBUAH LAGI,392 KEKERAPAN,IAITU SEBANYAK 254 PERBEZAAN KEKERAPAN PERGERAKKAN ANTARA AMBULAN YANG PALING TINGGI KEKERAPAN DIGUNAKAN BERBANDING YANG PALING RENDAH DIGUNAKAN.

C. CADANGAN PENYELESAIAN INOVATIF & KREATIF

MENGGUNAKAN SISTEM KAD PERGERAKAN AMBULAN DAN DITAMBAH BAIK DENGAN MUTIARA SMART CARD.DENGAN SISTEM/KAEDAH INI SETIAP PERGERAKAN AMBULAN AKAN DIPANTAU SECARA SAKSA SERTA TIADA PERBEZAAN KEKERAPAN YANG TINGGI.AMAT BERKESAN KERANA USIA AMBULAN ANTARA 2012-2014 PADA 7 BUAH AMBULAN HOSPITAL TAMPIN.REKOD KPI PREVENTIVE MAINTENANCE (PPM) ADALAH TERCAPAI LEBIH 80% PADA 2015.

D. TANDA ARAS

HOSPITAL DAERAH DI NEGERI SEMBILAN

E. PENCAPAIAN PROJEK & PENCIPTAAN NILAI

KAD PERGERAKAN DAN MUTIARA SMART CARD MENYERAGAKAN SISTEM PENGURUSAN PERGERAKAN AMBULAN YANG SISTEMATIK ,BERDAYA SAING,MENGURANGKAN KOS BAIK PULIH SERTA MEMPUYAI NILAI TAMBAH UNTUK MEREKOD STATUS SERVIS,PEMBAIKAN DAN MILEGUE PADA MASA AKAN DATANG.

F. ANUGERAH, PENGHARGAAN & PENGIKTIRAFAN

EMAS ZON SELATAN

NAMA KUMPULAN ORGANISASI	:	RENAISSANCE PUSAT KESIHATAN UNIVERSITI, UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA
TAJUK PROJEK PENJIMATAN PROJEK	:	PENGAMBILAN DARAH MENGAMBIL MASA YANG LAMA RM 3.90 RM / MASA SETAHUN : RM 28,606.08

A. LATAR BELAKANG PROJEK

1. MENCIPTA KAEDAH PEMUDAHCARA PENGAMBILAN DARAH
2. MENGURANGKAN KADAR MASA PESAKIT MENUNGGU
3. MEMENUHI OBJEKTIF DAN KUALITI JABATAN
4. PENJIMATAN KOS BAHAN PAKAI BUANG
5. MENGAMALKAN SISTEM 5S (SISIH,SUSUN,SAPU,SERAGAM,SENTIASA AMAL)

B. PUNCA UTAMA MASALAH

PENGAMBILAN DARAH MENGAMBIL MASA YANG LAMA.

C. CADANGAN PENYELESAIAN INOVATIF & KREATIF

'BLOOD SAMPLING KIT '

D. TANDA ARAS

1. HOSPITAL
2. KLINIK KESIHATAN BERDEKATAN
3. PUSAT KESIHATAN UNIVERSITI IPTA

E. PENCAPAIAN PROJEK & PENCIPTAAN NILAI

1. PENJIMATAN MASA
2. PENJIMATAN KOS BAHAN PAKAI BUANG
3. PENJIMATAN TENAGA

F. ANUGERAH, PENGHARGAAN & PENGIKTIRAFAN

1. ANUGERAH EMAS KONVENSYEN TEAM EXCELLENCE MPC WILAYAH SELATAN 2017
2. ANUGERAH INOVASI TERBAIK KUMPULAN INOVATIF DAN KREATIF (KIK) TERBUKA UNIVERSITI UTARA MALAYSIA 2017 - EMAS
3. JOHAN KATEGORI TEKNIKAL KONVENSYEN KUMPULAN INOVATIF DAN KREATIF (KIK) TERBUKA UNIVERSITI UTARA MALAYSIA 2017
4. NAIB JOHAN MINI KONVENSYEN KIK UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA – EMAS
5. KONVENSYEN KIK UNIVERSITI AWAM MALAYSIA 2016 UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU - EMAS

NAMA KUMPULAN	:	MESRA
ORGANISASI	:	HOSPITAL TAMPIN
TAJUK PROJEK	:	KESUKARAN MEMBUAT PEMERIKSAAN KAKI DIKALANGAN PESAKIT DIABETES DI HOSPITAL TAMPIN
PENJIMATAN PROJEK SEHARI.	:	PENGURANGAN MASA PEMERIKSAAN KAKI 65% DALAM

A. LATAR BELAKANG PROJEK

KEGAGALAN MENJALANKAN PEMERIKSAAN KAKI DENGAN TEKNIK YANG BETUL AKAN MENYEBABKAN KUALITI PERAWATAN GAGAL. DAIBETIK EDUCATOR AKAN GAGAL MENENTUKAN PENGESANAN AWAL TENTANG ABNORMALITY YANG BERLAKU PADA KAKI PESAKIT AKIBAT PENYAKIT DIABETES. MAKA PESAKIT AKAN GAGAL MENDAPAT PERAWATAN YANG BERKESAN SEHINGGA BOLEH MENAKIBATKAN KOMPLIKASI YANG TERUK PADA KAKI PESAKIT YANG BOLEH MEMBAWA KEPADA KEGAGALAN FUNGSI KAKI. SEHINGGA BOLEH MENYEBABKAN KEMATIAN.

B. PUNCA UTAMA MASALAH

KEGAGALAN MENJALANKAN PEMERIKSAAN KAKI DENGAN TEPAT DAN CEPAT MENYEBABKAN KEBERKESANAN KUALITI PERAWATAN AKAN GAGAL.

C. CADANGAN PENYELESAIAN INOVATIF & KREATIF

KAEDAH RAJAH POKOK DAN SWOT DIGUNAKAN UNTUK MENYELESAIKAN MASALAH. MENCIPTA "MESRA FOOT EXAM CHAIR (MFEC)" YANG DIGUNAKAN UNTUK MELAKUKAN PEMERIKSAAN KAKI DENGAN MUDAH, TEPAT DAN CEPAT.

D. TANDA ARAS

TELAH MEMBUAT SEMAKAN DI BEBERAPA BUAH HOSPITAL DAN DI DAPATI MASIH BELUM ADA DI GUNA OLEH MANA-MANA HOSPITAL

E. PENCAPAIAN PROJEK & PENCIPTAAN NILAI

- i. IMEJ JABATAN DAPAT DITINGKATKAN DENGAN ADANYA "MESRA FOOT EXAM CHAIR (MFEC)"
- ii. IANYA INISIATIF KUALITI YANG MENINGKATKAN KUALITI PERKHIDMATAN PERAWATAN KEPADA PESAKIT
- iii. PENJIMATAN MASA
- iv. PENINGKATAN HASIL KERJA
- v. PENINGKATAN TAHAP KEPUASAN PELANGGAN

F. ANUGERAH, PENGHARGAAN & PENGIKTIRAFAN

- i. 1. GOLD AWARD MPC REGIONAL (SOUTH) TEAM EXCELLENCE 2017

NAMA KUMPULAN	:	SMART- I
ORGANISASI	:	INSTITUT PENYELIDIKAN DAN KEMAJUAN PERTANIAN MALAYSIA
TAJUK PROJEK	:	PROSES PENYAMPAIAN MAKLUMAT TUMBUHAN DI TAMAN BOTANI MENGAMBIL MASA YANG PANJANG
PENJIMATAN PROJEK	:	RM 0.638 JUTA/TAMAN RM / MASA SETAHUN : RM 0.638 JUTA

A. LATAR BELAKANG PROJEK

AGRO-PELANCONGAN ADALAH SATU KONSEP PELANCONGAN YANG SEMAKIN POPULAR DI MALAYSIA KERANA IA MENAWARKAN PELANCONG PELBAGAI AKTIVITI YANG BERKAITAN DENGAN SEKTOR PERTANIAN. KEBANYAKAN TAMAN BOTANI DI NEGARA KITA MEMPUYAI SISTEM PELABELAN TUMBUHAN UNTUK MENDIDIK AWAM. TETAPI PELANCONG-PELANCONG MENGHADAPI MASALAH YANG BESAR APABILA MELAWAT TAMAN BOTANI TERSEBUT IAITU SUSAH MENDAPAT MAKLUMAT TUMBUHAN YANG LENGKAP DARIPADA PENANDA LABEL DI SEKELILING TAMAN. INI ADALAH DISEBABKAN OLEH PENANDA LABEL YANG DIPAKAI SEKARANG KEKURANGAN MAKLUMAT HANYA NAMA TUMBUHAN DAN SATU BAHASA SAHAJA, CETAKAN TULISAN TERLALU KECIL DAN TIDAK JELAS SERTA ROSAK DISEBABKAN OLEH CUACA. TAMBAHAN LAGI, PIHAK TAMAN BOTANI TIDAK MEMBEKALKAN BROSUR KEPADA PELANCONG TENTANG JENIS SPESIS TUMBUHAN TERDAPAT DI DALAM TAMAN DAN PELANCONG JUGA MENGHADAPI KESUKARAN UNTUK MENCATAT NOTA TUMBUHAN SEMASA MELAWAT DI TAMAN. SELAIN DARIPADA PELANCONG, PIHAK PENGURUSAN TAMAN JUGA MENGHADAPI MASALAH KEWANGAN UNTUK MENYELENGGARAAN PENANDA LABEL TAMAN DAN MENCETAK BROSUR BAGI TUMBUHAN YANG BANYAK. PENCETAKAN BROSUR AKAN MENGGUNAKAN KERTAS DAN DAKWAT YANG BANYAK INI AKAN MENIMBULKAN MASALAH ALAM SEKITAR. MASALAH-MASALAH DI ANTARA PELANCONG DAN PIHAK PENGURUSAN TAMAN PERLU DISELESAIKAN DENGAN CARA YANG KREATIF DAN INOVATIF UNTUK MENDATANGKAN FAEDAH KEPADA KEDUA-DUA PIHAK. KAJIAN LITERATUR DAN PATEN TENTANG TEKNOLOGI YANG SEDIA ADA TELAH DIJALANKAN OLEH KUMPULAN SMART- I UNTUK MENYELESAIKAN MASALAH-MASALAH YANG DINYATAKAN TERSEBUT. KEPUTUSAN KAJIAN MEMUTUSKAN BAHAWA TEKNOLOGI APLIKASI MOBILE YANG PALING SESUAI BAGI MENYELESAIKAN MASALAH-MASALAH PELANCONG DAN PIHAK PENGURUSAN TAMAN.

B. PUNCA UTAMA MASALAH

1. PROSES PENYAMPAIAN MAKLUMAT TUMBUHAN DI TAMAN BOTANI MENGAMBIL MASA YANG PANJANG
2. PROSES MENDAPATKAN DATA DARI SISTEM PENDERIA MENGAMBIL MASA LAMA
3. PENGHASILAN TEKNOLOGI HIJAU MENGAMBIL MASA YANG PANJANG
4. PROSES MEMAHAMI TEKNOLOGI MAKLUMAT YANG BAHARU MENGAMBIL MASA YANG LAMA
5. PROSES MENGHASILKAN PROPOSAL PROJEK MENGAMBIL MASA YANG LAMA DAN KOS YANG TINGGI

C. CADANGAN PENYELESAIAN INOVATIF & KREATIF

SEBUAH APLIKASI MOBILE KHUSUS UNTUK TAMAN BOTANI (RAJAH 1) TELAH DIBANGUNKAN OLEH KUMPULAN SMART-I UNTUK MENYELESAIKAN MASALAH-MASALAH SEPerti MEMPEROLEHI MAKLUMAT TUMBUHAN YANG LENGKAP DAN JELAS, MENCATAT NOTA, KOS MENYELENGGARAAN PENANDA LABEL DAN KOS PENYEDIAAN BROSUR DI TAMAN BOTANI. MULA-MULA MAKLUMAT BERDIGIT TERMASUK PELBAGAI BAHASA DAN GAMBAR DIJANA DARIPADA BUKU ATAU KATALOG MAKLUMAT SPESIS TUMBUHAN DAN DISIMPAN DI DALAM PANGKALAN DATA. SELEPAS ITU, QUICK RESPONSE (QR) CODE DIJANAKAN UNTUK SETIAP SPESIES TUMBUHAN DAN DICETAKKAN PADA SATU PENANDA LABEL YANG KALIS AIR TAHAN LASAK. KEMUDIAN, SATU APLIKASI MOBILE DIBANGUNKAN UNTUK PELANCONG MEMUAT TURUN. APLIKASI MOBILE INI MENGANDUNGI PANGKALAN DATA TUMBUHAN DAN BOLEH DIGUNAKAN SEBAGAI BUKU BERDIGIT (E-BOOK) BIASA UNTUK PELANCONG Mencari dan Membaca tentang MAKLUMAT TUMBUHAN TAMAN BOTANI DI MANA-MANA TEMPAT. JIKALAU, INGIN MENDAPATKAN MAKLUMAT TUMBUHAN SEMASA MELAWAT TAMAN PELANCONG HANYA MENGGUNAKAN APLIKASI MOBILE DAN MENGIMBAS (SCANNED) QR CODE PENANDA LABEL KEMUDIAN MAKLUMAT TUMBUHAN AKAN MEMAPAR PADA SCREEN TELEFON PINTAR ATAU TABLET TELEFON UNTUK MEMBACA, MENCATAT DAN MENJANA NOTA BERDIGIT.KELEBIHAN APLIKASI MOBILE YANG DIBANGUNKAN ADALAH SEPerti BERIKUT:

1. MUDAH DAN CEPAT UNTUK MENGEMASKINI MAKLUMAT OLEH PIHAK PENGURUSAN TAMAN
2. MUDAH DIBACA OLEH PELANCONG DENGAN MENGGUNAKAN TELEFON PINTAR ATAU TABLET
3. PELANCONG BOLEH MENJANA NOTA SENDIRI TENTANG TUMBUHAN-TUMBUHAN YANG DIPILIH
4. SATU ALAT PROMOSI YANG BERKESAN UNTUK MENARIK PENGUNJUNG
5. MENJIMAT KERTAS DAN DAKWAT UNTUK MENCETAK BROSUR

APLIKASI MOBILE BAHARU INI MEMPUYAI POTENSI PASARAN YANG BESAR SELAIN DARIPADA TAMAN BOTANI, KONSEP APLIKASI MOBILE INI JUGA BOLEH DIGUNAKAN UNTUK MUZIUM, ZOO DAN AKUARIUM. PADA MASA INI TERDAPAT KIRA-KIRA 1.08 BILLION PENGGUNA TELEFON PINTAR, 3166 TAMAN BOTANI, 55,000 MUZIUM, 2,000,000 ZOO, 447 AKUARIUM DI SELURUH DUNIA.

NAMA KUMPULAN : SMART- I
ORGANISASI : INSTITUT PENYELIDIKAN DAN KEMAJUAN PERTANIAN MALAYSIA
TAJUK PROJEK : PROSES PENYAMPAIAN MAKLUMAT TUMBUHAN DI TAMAN BOTANI
 MENGAMBIL MASA YANG PANJANG
PENJIMATAN PROJEK : RM 0.638 JUTA/TAMAN RM / MASA SETAHUN : RM 0.638 JUTA

D. TANDA ARAS

Bil.	Perkara	Teknologi Konvensional	Teknologi QR	Penjimatan
1.	Kos cetakan	RM 2/broucher	RM0.50/maklumat digital	RM1.50
2.	Kos label	RM100/label pokok	RM10/label pokok	RM 90
3.	Masa dapatan info	60 saat/broucher	2 saat/imbias QR	58 saat

E. PENCAPAIAN PROJEK & PENCIPTAAN NILAI

- I. TELAH DIFAILKAN PATEN DENGAN NO PEMFAILAN/PENDAFTARAN: PI2014700371
- II. TELAH DILESENKAN KEPADA SYARIKAT MOMENTUM PLUS SDN BHD (CO. NO. 868652-W) OLEH PIHAK MARDI UNTUK PENGGOMERSIALAN
- III. SATU UNIT TELAH DIJUALKAN KEPADA DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR (DBKL) UNTUK MEMPROMOSIKAN TAMAN DUSUN BANDAR DBKL, JALAN BELLAMY, KUALA LUMPUR.

F. ANUGERAH, PENGHARGAAN & PENGIKTIRAFAN

- I. PINGAT GANGSA – BRITISH INVENTION SHOW (BIS 2014)
- II. PINGAT EMAS – INTERNASIONAL INVENTION, INNOVATION & TECHNOLOGY EXHIBITION (ITEX 2014)
- III. MALAYSIAN INNOVATIVE PRODUCT – INTERNASIONAL INVENTION, INNOVATION & TECHNOLOGY EXHIBITION (ITEX 2014)
- IV. PINGAT PERAK – MALAYSIA TECHNOLOGY EXPO (MTE 2014)
- V. PINGAT EMAS – MARDI SCIENCE AND TECHNOLOGY EXHIBITION (MSTE 2013)
- VI. PINGAT PERAK – KONVENSYEN KIK MARDI 2016
- VII. PINGAT EMAS – KONVENSYEN TEAM EXCELLENCE PERINGKAT WILAYAH UTARA 2017

HARI KETIGA

NAMA KUMPULAN	:	LV TEAM
ORGANISASI	:	INSTITUT LATIHAN PERINDUSTRIAN JITRA
TAJUK PROJEK	:	GANGGUAN BEKALAN ELEKTRIK KERAP BERLAKU
PENJIMATAN PROJEK	:	RM / MASA SETAHUN : RM5.4 JUTA
		RM / MASA SETAHUN : 561,496 SAAT SETAHUN

A. LATAR BELAKANG PROJEK

- A.X.S DIREKA UNTUK MENUKARKAN ARAH BEKALAN KUASA ELEKTRIK KE BEBAN SEKIRANYA BERLAKU GANGGUAN BEKALAN PADA SUATU FASA KEPADA FASA YANG BERIKUTNYA.
- JIKA MASIH LAGI BERLAKU GANGGUAN, PROSES PENUKARAN ARAH BEKALAN KUASA KE FASA BERIKUTNYA AKAN BERTERUSAN SEHINGGA TIADA LAGI FASA YANG MEMPUYAI BEKALAN KUASA.
- SEMASA BERLAKU GANGGUAN BEKALAN YANG PERTAMA, "TRIPPING ALERT DEVICE" AKAN MENGHANTAR SMS KEPADA PIHAK YANG BERTANGGUNGJAWAB DALAM KERJA PENYELENGGARAAN MENYATAKAN BERLAKUNYA GANGGUAN BEKALAN ELEKTRIK.

B. PUNCA UTAMA MASALAH

DENGAN MENGGUNAKAN TEKNIK PERCAMBANGAN FIKIRAN DAN ANALISA PARETO, PENGENALPASTIAN MASALAH DITEMUI IAITU 'GANGGUAN BEKALAN ELEKTRIK KERAP BERLAKU'. DENGAN BANTUAN GAMBARAJAH POKOK (TREE DIAGRAM) DAN PERCAMBANGAN FIKIRAN SECARA BERKUMPULAN, KEPUTUSAN KEPADA PENYELESAIAN MASALAH INI DIBUAT IAITU MENGHASILKAN SATU PERALATAN DAN SISTEM YANG DAPAT MENGUBAH ARAH LALUAN KEROSAKAN LITAR YANG MENGALAMI KEROSAKAN KE LITAR YANG TIDAK MENGALAMI KEROSAKAN DENGAN LEBIH CEPAT DAN BERSISTEMATIK. ALAT INI DIREKA SUPAYA BOLEH DIGUNAKAN DI PELBAGAI SISTEM PEPASANGAN DOMESTIK DAN INDUSTRI. MAKA ALAT INI DINAMAKAN AUTOMATIC CROSSOVER SWITCHING (A.X.S).

C. CADANGAN PENYELESAIAN INOVATIF & KREATIF

BAGI MEMPERCEPATKAN KERJA PENYELENGGARAAN, KAMI TELAH MENCADANGKAN SATU PENAMBAHBAIKAN/KAIZAN REKABENTUK ALATAN YANG MELIBATKAN PEMBANGUNAN SEBUAH ALAT ATAU SISTEM BARU DAN DIPASANGKAN KEPADA SISTEM BEKALAN ELEKTRIK SEDIA ADA.

D. TANDA ARAS

JANAKUASA TUNGGU SEDIA (GEN-SET) DAN UPS (UNTRUPPTED POWER SUPPLY)

E. PENCAPAIAN PROJEK & PENCIPTAAN NILAI

PENCAPAIAN PROJEK DINILAI DARI SEGI:

- KAEDAH MANUAL MENGGUNAKAN TENAGA MANUSIA UNTUK MENGESAN DAN MEMBUAT LAPORAN GANGGUAN BEKALAN ELEKTRIK MENYEBABKAN BANYAK MASA DIBAZIRKAN, MANAKALA DENGAN KAEDAH BARU, IAITU SISTEM A.X.S., LAPORAN GANGGUAN BEKALAN DIHANTAR SERTA-MERTA KEPADA PIHAK BERTANGGUNGJAWAB MENGGUNA SISTEM T.A.D. (TRIPPING ALERT DEVICE).
- DARI SEGI TEMPOH MASA PURATA UNTUK MEMULIHKAN BEKALAN MENGGUNAKAN KAEDAH LAMA MEMERLUKAN 43,192.5 SAAT, MANAKALA MENGGUNAKAN SISTEM A.X.S HANYA MEMERLUKAN 0.5 SAAT SAHAJA.
- DARI SEGI REKABENTUK, IANYA LEBIH MUDAH ALIH BERBANDING ALAT SEDIA ADA DI PASARAN IAITU MEMERLUKAN GABUNGAN GEN-SET DAN UPS.
- PROJEK INI TELAH BERJAYA MENJIMATKAN KOS PENYELENGGARAAN DAN MASA KESELURUHAN, BAGI TEMPOH 6 BULAN DIGUNAKAN DI INSTITUT, BERBANDING TEMPOH MASA YANG SAMA SEBELUM MENGGUNAKAN SISTEM INI, SEBANYAK RM54,926.88.
- ATAS INISIATIF AHLI KUMPULAN YANG MEMBINA DAN MEMBANGUNKAN PROJEK INI SECARA IN-HOUSE BERBANDING SECARA OUTSOURCE, SEBANYAK RM58,800.00 LAGI TELAH BERJAYA DIJIMATKAN SECARA ONE-OFF, MENJADIKAN PENJIMATAN KESELURUHAN SEBANYAK RM113,726.88

NAMA KUMPULAN : LV TEAM
ORGANISASI : INSTITUT LATIHAN PERINDUSTRIAN JITRA
TAJUK PROJEK : GANGGUAN BEKALAN ELEKTRIK KERAP BERLAKU
PENJIMATAN PROJEK : RM / MASA SETAHUN : RM5.4 JUTA
 RM / MASA SETAHUN : 561,496 SAAT SETAHUN

F. ANUGERAH, PENGHARGAAN & PENGIKTIRAFAN

Bil	Nama Acara	Tarikh	Tempat	Keputusan
1	Menandatangani Kerjasama Pintar Antara ILP Jitra dengan MULTISCOPE RESOURECES (M) SDN.BHD	31 Julai 2016	Institut Latihan Perindustrian Jitra, Kedah Darul Aman	PROMOSI & PENJUALAN
2	National Innovation And Invention Competition Exhibition (iCompEX'16)	21 - 23 Mac 2017	Politeknik Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah (POLIMAS)	SILVER MEDAL
3	SIRIM Invention, Innovation & Technology Ekspo (SI2TE '17)	18 -19 April 2017	AMREC Complex, SIRIM KULIM, KEDAH	GOLD MEDAL
4	Konvensyen Team Excellence Wilayah Utara 2017 Kategori ICC	15-16 Ogos 2017	Bayview Beach Resort Penang	ANUGERAH EMAS

NAMA KUMPULAN	:	QP
ORGANISASI	:	BAHAGIAN PERKHIDMATAN FARMASI, JABATAN KESIHATAN NEGERI
KELANTAN		
TAJUK PROJEK	:	KESUKARAN MENGEKALKAN RANGKAIAN SEJUK INSULIN DARI KAUNTER
FARMASI		PESAKIT LUAR, HOSPITAL RAJA PEREMPUAN ZAINAB II HINGGA KE
RUMAH		PESAKIT
PENJIMATAN PROJEK	:	RM 9 BAGI 1 ORANG PESAKIT
		RM / MASA SETAHUN : RM 85,536

A. LATAR BELAKANG PROJEK

PESAKIT PERLU MEMBAWA BALIK INSULIN SENDIRI DAN MEMASTIKAN IANYA TIDAK TERDEDAH KEPADA PERUBAHAN SUHU PERSEKITARAN YANG TERLALU TINGGI. PESAKIT AKAN DIBEKALKAN SEDIKIT KETULAN AIS BERSAMA INSULIN. BAGAIMANAPUN, PESAKIT PERLU MENAMBAH KETULAN AIS BAGI PERJALANAN KE RUMAH YANG JAUH. OLEH ITU, PESAKIT PERLU SEGERA PULANG KE RUMAH KERANA INSULIN PERLU KEKAL BERADA PADA SUHU 2-8°C CELSIUS BAGI MENGEKALKAN POTENSI MAKSIMUM INSULIN UNTUK PENGGUNAAN SEHINGGA KE TARIKH LUPUT. JIKA INSULIN BERADA PADA SUHU BAWAH 30°C (9-30°C), TEMPOH PENGGUNAAN INSULIN HANYA SELAMA 4 MINGGU SAHAJA. JIKA SUHU INSULIN MELEBIHI 30°C, INSULIN ROSAK DAN TIDAK BOLEH DIGUNAKAN LAGI. PENGEKALKAN POTENSI INSULIN YANG OPTIMUM SEMASA BEKALAN KEPADA PESAKIT, AKAN MENJAMIN PROSES PERAWATAN DIABETES YANG BERKESAN. INI SELARAS DENGAN VISI, MISI DAN OBJEKTIF BAHAGIAN PERKHIDMATAN FARMASI UNTUK BEKALAN UBAT BERKUALITI, SELAMAT DAN BERKESAN KEPADA PESAKIT. JIKA RANGKAIAN SEJUK INSULIN TIDAK DIPATUHI, RAWATAN DIABETES AKAN GAGAL. KOMPLIKASI DIABETES MENINGKAT. KOS RAWATAN PESAKIT BERTAMBAH. KUALITI HIDUP MASYARAKAT BERKURANG DAN BOLEH MENDEDAHKAN KEPADA KEMATIAN. OLEH ITU, TRANSFORMASI NASIONAL (TN 50) AKAN GAGAL DICAPAI

B. PUNCA UTAMA MASALAH

- i. TIADA BEKAS / PERALATAN KHAS UNTUK PENYIMPANAN INSULIN.
- ii. TIADA KENDERAAN KHUSUS UNTUK MENGHANTAR INSULIN YANG MEMERLUKAN RANGKAIAN SEJUK
- iii. RUMAH PESAKIT JAUH
- iv. PESAKIT KURANG PENGETAHUAN / AMBIL MUDAH TENTANG RANGKAIAN SEJUK DAN POTENSI INSULIN TANPA MEMIKIRKAN IMPAK RAWATAN

C. CADANGAN PENYELESAIAN INOVATIF & KREATIF

KUMPULAN QP TELAH MENAMBAH-BAIK PROSES PEMBEKALAN INSULIN KEPADA PESAKIT MELALUI PENGHANTARAN INSULIN KE RUMAH PESAKIT. INI MEMBERI KEMUDAHAN KEPADA PESAKIT DI MANA PESAKIT TIDAK PERLU LAGI DATANG KE FARMASI UNTUK MENDAPAT BAKI BEKALAN INSULIN SETIAP BULAN. DENGAN INI PESAKIT MENDAPAT INSULIN YANG BERKUALITI, SELAMAT DAN BERKESAN. PESAKIT YANG MENDAPAT INSULIN YANG DIRAGUI POTENSINYA AKAN MENYEBABKAN TEMPOH RAWATAN MENJADI LEBIH LAMA DAN KOMPLIKASI PENYAKIT DIABETES MENJADI LEBIH TERUK. INI BOLEH MENDEDAHKAN KEMATIAN

D. TANDA ARAS

SUHU SIMPANAN INSULIN MESTI BERADA DALAM JULAT 2 – 8°C UNTUK MENGEKALKAN POTENSI INSULIN YANG MAKSIMUM.

NOTA : JIKA SUHU SIMPANAN 9 – 25°C, POTENSI MAKSIMUM INSULIN HANYA BOLEH DIGUNAKAN DALAM MASA 4 MINGGU SAHAJA.

JIKA SUHU SIMPANAN MELEBIHI 30°C, POTENSI INSULIN ROSAK DAN TIDAK BOLEH DIGUNAKAN LAGI.

E. PENCAPAIAN PROJEK & PENCIPTAAN NILAI

- i. PENJIMATAN KOS PERBELANJAAN = RM 85,536 SETAHUN BAGI 1 ORANG PESAKIT
- ii. PENJIMATAN MASA = 2 JAM SETIAP 1 ORANG PESAKIT
- iii. PENJIMATAN SUMBER MANUSIA / PETUGAS FARMASI PADA WAKTU PUNCAK = 1 ORANG
- iv. PENINGKATAN HASIL KERJA / OUTPUT = 40%
- v. PENINGKATAN KEPUASAN HATI PELANGGAN LUARAN DAN DALAMAN = 30% DAN 45%

F. ANUGERAH, PENGHARGAAN & PENGIKTIRAFAN

ANUGERAH EMAS DI KONVENSYEN TEAM EXCELLENT WILAYAH PANTAI TIMUR PADA 25 – 26 JULAI 2017

NAMA KUMPULAN	:	SIBER
ORGANISASI	:	PERPUSTAKAAN TUN SERI LANANG UKM
TAJUK PROJEK	:	KEPADATAN BUKU DI RAK KOLEKSI AM
PENJIMATAN PROJEK	:	RM34,305.00
		RM / MASA SETAHUN : RM 24,804.00

A. LATAR BELAKANG PROJEK

BUKU YANG TERLALU PADAT DI RAK KOLEKSI AM PERPUSTAKAAN PPUKM MENYUKARKAN PELANGGAN UNTUK Mencari buku. Disamping itu, ia juga menyukarkan kakitangan dalam menyusun buku dan membuat bacaan susunan rak di koleksi am setiap hari dari jam 8.00 – 9.00 pagi dalam waktu bekerja. Perpustakaan juga menerima aduan daripada kakitangan dan pelanggan berkaitan kepadatan buku di rak koleksi am. Statistik jumlah buku salah susun oleh kakitangan juga meningkat.

B. PUNCA UTAMA MASALAH

1. PENYUSUNAN BAHAN TIDAK SERAGAM DI RAK KOLEKSI AM
2. PERTAMBAHAN BUKU BAHARU DARI MASA KE SEMASA
3. RUANG TIDAK MENCIKUPI MENYEBABKAN TIADA PERTAMBAHAN RAK BARU.

C. CADANGAN PENYELESAIAN INOVATIF & KREATIF

1. MENGADAKAN TROLI KHAS, NOTIS MAKLUMAN DAN TAKLIMAT PENGGUNAAN PERPUSTAKAAN
2. PENGASINGAN BUKU YANG KURANG AKTIF PINJAMAN
3. ANJAKAN BUKU DI RAK YANG SEDIA ADA DAN DISISIH.
4. MENGLABEL SEMULA SUBJEK BAHAN MENGIKUT WARNA.
5. MELETAKKAN PENANDA HAD SUSUNAN YANG BERWARNA PADA BAY

D. TANDA ARAS

1. LAWATAN PENANDAARASAN KE PERPUSTAKAAN UNIVERSITI TEMPATAN DAN LUAR NEGARA.
2. ARAHAN PENGURUSAN
3. PROSEDUR KERJA PENYUSUNAN BAHAN

E. PENCAPAIAN PROJEK & PENCIPTAAN NILAI

1. PENJIMATAN KOS PEMBELIAN RAK
2. PENJIMATAN KOS OPERASI
3. PENJIMATAN KOS PROJEK
4. PENURUNAN JUMLAH BUKU SALAH SUSUN
5. PENYUSUNAN BUKU YANG SERAGAM
6. PENCIPTAAN ALAT SUSUN BUKU YANG DINAMAKAN SIBERBAY

F. ANUGERAH, PENGHARGAAN & PENGIKTIRAFAN

1. JOHAN PERTANDINGAN KIK PERPUSTAKAAN UKM 2017.
2. ANUGERAH EMAS DI KONVENSYEN WILAYAH TEAM EXCELLENCE 2017.